

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK

PROJEK PELAJAR

**GANGSTERISMA DI KALANGAN PELAJAR MENENGAH ATAS DI
BANDARAYA KUCHING**

HADIAH BINTI AINI

HANIFAH BINTI MOHAMAD RIJAL

JENNIFER SANTA LIMAN

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI PENTADBIRAN
DAN UNDANG-UNDANG UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS
SAMARAHAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN**

OKTOBER 2000

Encik Nicholas Amin
Ketua Program Fakulti Pentadbiran Dan Undang-undang
Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan
Jalan Meranek, 93400
Kota Samarahan
Sarawak

12 Oktober 2000

Tuan,

Penyerahan Hasil Kajian

Kami dengan sukacitanya menyerahkan hasil kajian kami yang bertajuk “Gangsterisma Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Atas Di Bandaraya Kuching” untuk dianalisa oleh pihak tuan. Kami telah dengan sedaya upaya kami mengumpul segala maklumat yang kami perlukan bagi menyiapkan kajian kami.

Kami berharap hasil kajian kami akan dipertimbangkan untuk dianalisa oleh pihak tuan .


Sekian, Terima Kasih .



HADIAH BT. AINI (96996843)



HANIFAH BT. MOHD RIJAL (96991356)



JENNIFER SANTA LIMAN (97315533)

ISI KANDUNGAN

SURAT PENYERAHAN KERTAS PROJEK	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii – iv
SENARAI JADUAL	v – vi
SENARAI RAJAH	vii
ABSTRAK	viii
BAB SATU : PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang	1 – 2
1.2 Skop Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4 – 6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kekakangan Kajian	8
1.6 Hipotesis	9
1.7 Andaian	10
1.8 Susunan Bab	11 – 12
BAB DUA : TINJAUAN LITERATURE	
Tinjauan Literature	13 – 15

ABSTRAK

Kajian ini adalah merupakan satu kajian yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah yang terlibat dengan kegiatan gangsterisme seperti mencuri, melawan guru, bergaduh sesama sendiri, merosakkan harta benda awam dan lain-lain bentuk perbuatan yang menyalahi undang-undang. Dalam kajian ini, kami ingin membincangkan tentang punca-punca yang menyebabkan gejala gangsterisma berlaku dengan meluas, kesan-kesan serta langkah-langkah yang patut diambil bagi membendung gejala ini daripada terus merebak ke tahap yang lebih kritikal yang boleh mengancam keselamatan masyarakat dan nama baik negara kita. Oleh itu, gejala gangsterisma ini tidak boleh dipandang ringan oleh semua lapisan masyarakat kerana gejala ini tidak akan bermula jika bukan daripada didikan yang sempurna oleh ibu bapa di rumah dan didikan guru di sekolah yang memainkan peranan untuk membentuk insan yang baik, berdisiplin serta berpelajaran tinggi yang menjadi harapan generasi yang akan datang.

1.3 Penyataan Masalah

Kegiatan gangsterisma ini mungkin disebabkan oleh masalah disiplin di kalangan pelajar yang kurang diberi penekanan. Selain itu, sikap terlalu memanjakan anak-anak oleh ibu bapa akan menyebabkan pelajar-pelajar berkenaan menjadi degil, berbuat sesuka hati, mudah terpengaruh dengan nilai-nilai negatif kerana tiada halangan atau tunjuk ajar daripada ibu bapa masing-masing.

Disebabkan kekurangan tunjuk ajar dan disiplin daripada ibu bapa dan guru, maka pelajar-pelajar berani bertindak melampaui batas sehingga bertindak melawan ibu bapa, guru, pengawas sekolah serta berani membabitkan diri dengan kegiatan seperti mencuri, peras ugut, berkelakuan ganas dan membawa kepada penyalahgunaan dadah. Apabila pelajar bergaul dengan pelajar yang mempunyai kelakuan seperti yang telah dinyatakan tadi, ia akan membawa persaingan sesama sendiri terutamanya di dalam membandingkan diri mereka. Kadangkala mereka suka mencabar sesama sendiri untuk melihat setakat mana kekuatan yang ada pada diri mereka.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini, pembabitan berbagai pihak termasuk ibu bapa, pihak sekolah, badan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat adalah perlu bagi mengatasi masalah gangsterisma ini. Selain itu, sekolah yang berada di kawasan berisiko tinggi perlulah diberi keutamaan dari sudut pengawasan bukan sahaja dari pihak sekolah, malah dari Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Kementerian Pendidikan dan pihak Polis, tetapi turut mendapat sokongan daripada masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu, satu sistem aduan perlu ditubuhkan supaya pelajar yang sering diganggu oleh pelajar samseng membuat